

**TEKS UCAPAN YBHG DATO SRI KSU SEMPENA SESI INTERAKSI KETUA
SETIAUSAHA KKR DENGAN KUMPULAN PELAKSANA**

20 JANUARI 2016

**DEWAN TAN SRI MAHFUZ KHALID,
KOMPLEKS KERJA RAYA**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengerusi Majlis,

Bismillahirraahmanirrahim

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia, Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan

YBrs Tuan Haji Sarani bin Dollah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

YBrs Encik Abdul Razak bin Jaafar, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)

YBrs. Encik Azhar bin Basirun (SUB Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian, seterusnya semua hadirin yang saya hormati sekalian,.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi rasa kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua, dapat kita bertemu pada pagi ini sempena Sesi Interaksi Ketua Setiausaha dengan pegawai kumpulan pelaksana Kementerian Kerja Raya.

2. Sesi perjumpaan/ Interaksi pada hari ini merupakan salah satu platform yang disediakan oleh Kementerian untuk membolehkan warga KKR membincangkan secara terus daripada pihak pengurusan berkenaan isu-isu yang berkaitan dengan kumpulan pelaksana dan membolehkan pihak pengurusan berkongsi pandangan dan pengalaman dengan kumpulan pelaksana. Sehubungan itu, saya berharap Tuan/

Puan seharusnya dapat memanfaatkan program ini sebaiknya bagi tujuan pembangunan diri, peningkatan prestasi kerja serta organisasi.

3. Saya sentiasa mengalu-alukan apa jua pandangan, teguran serta cadangan penambahbaikan demi kecemerlangan organisasi KKR. Saya pasti banyak perancangan yang dibuat dan telah dilaksanakan sehabis baik oleh kita semua untuk mencapai visi, misi dan objektif organisasi. Sama ada ia memenuhi ekspektasi dan harapan, terpulang kepada diri masing-masing untuk menilainya, namun apa yang lebih penting, usaha ke arah penambahbaikan hendaklah diteruskan, malah dipertingkatkan, demi melestarikan (mengekal) perkhidmatan terbaik.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Tahun baharu 2016 merupakan tahun penuh dengan cabaran dan dugaan dengan keadaan ekonomi negara dan dunia yang semakin tidak menentu. Pertumbuhan ekonomi 2016 dijangka terus mencabar disumbang ketidakstabilan pasaran kewangan, penurunan harga komoditi, pengukuhan Dolar AS dan pertumbuhan perlahan China yang memberi kesan kepada nilai matawang Ringgit.

5. Selain itu, akibat penurunan harga minyak mentah dan komoditi yang berterusan, di mana harga purata minyak mentah Brent telah menjunam daripada US\$98.94 setong pada 2014 kepada US\$31-35 setong pada awal tahun 2016 amat memberi kesan kepada negara ekoran unjuran pertumbuhan ekonomi pada tahun 2016 adalah berdasarkan harga purata Brent sebanyak US\$48 setong.

6. Oleh itu, penjawat awam di setiap peringkat perlu mengurus sumber-sumber yang ada dengan cekap dan mencapai tahap optimum serta bersedia untuk memikirkan cara terbaik untuk memastikan langkah-langkah penjimatan dalam penggunaan sumber yang ada. Penjawat awam juga perlu lebih kreatif dan inovatif untuk mengoptimumkan kos tadbir urus dan pada masa sama memaksimumkan produktiviti dalam usaha meningkatkan pendapatan negara berikutan fenomena kejatuhan harga minyak mentah global bersandarkan prinsip "*high impact, low cost, rapid execution*".

7. Cabaran Perkhidmatan Awam hari ini juga melangkaui sempadan antarabangsa yakni fenomena globalisasi termasuklah ekonomi terbuka, tahap daya saing yang kompetitif, perubahan dan kemajuan sains dan teknologi serta persaingan bakat (talent) memerlukan organisasi awam yang lebih dinamik dan tangkas dengan penjawatnya yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi untuk membolehkan perkhidmatan awam memberikan sumbangan dan menggerakkan negara ke hadapan.

8. Oleh itu, warga KKR juga tidak seharusnya berada dalam keadaan statik dan perlu berubah mengikut perubahan semasa. Sebuah organisasi tidak seharusnya berpuas hati terhadap apa yang dicapai ketika ini. Dalam mengambilkira kekangan-kekangan tertentu dalam menuju kecemerlangan, akan ada ruang-ruang yang boleh dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi menampung kelemahan-kelemahan yang masih ada. Apa yang penting, 'mind-set' untuk berubah, sudah pasti usaha penyesuaian organisasi dapat dilaksanakan dengan mudah. Untuk itu, adalah penting untuk kita berganjak dari ruang lingkup keselesaan (*complacency*) pada situasi semasa dengan memberikan fokus kepada aspek-aspek yang boleh ditambahbaik dalam pelaksanaan aktiviti masing-masing. Penting untuk saya ingatkan disini bahawa *complacency* adalah musuh utama kepada perubahan kerana

sekiranya kita merasakan cara kerja kita adalah yang terbaik maka ia akan menutup kepada ruang untuk penambahbaikan.

9. Saya juga berharap supaya warga KKR juga dapat membudayakan sense of urgency dalam pelaksanaan tugas masing-masing dan dapat bertindak pantas serta sentiasa memperbaiki sistem penyampaian kepada pelanggan supaya kita lebih diyakini dan dihormati. Kita semua selaku penggerak utama perkhidmatan awam perlu sentiasa responsif kepada keperluan kerajaan dan kehendak pelanggan samada pelanggan dalaman atau luaran.

10. Setiap penjawat awam adalah ejen transformasi paling hadapan dalam perantaraan di antara rakyat dan Kerajaan. Pelbagai langkah inisiatif telah diambil bertujuan mereformasikan perkhidmatan awam ke tahap etika, tadbir urus, ketelusan dan kebertanggungjawaban yang lebih tinggi. Tumpuan akan beralih ke arah tadbir urus bersama rakyat dengan meningkatkan pemahaman berkaitan keutamaan rakyat, dan penyampaian perkhidmatan. Prosedur birokrasi yang menghalang fasilitasi penyampaian perkhidmatan awam yang cekap hendaklah dipermudah, data dimanfaatkan sepenuhnya, pertindanan dikurangkan dan akauntabiliti ditingkatkan.

11. Peranan Kerajaan sebagai penyedia perkhidmatan telah berubah ke arah memberikan lebih penekanan kepada peranan sebagai fasilitator dimana kita bukan lagi sebagai pemilik sistem/proses tetapi lebih kepada sebagai pemudahcara kepada sistem/ proses. Pengaturan kerja yang lebih fleksibel perlu disediakan bagi menggantikan persekitaran kerja tegar di samping menumpukan kepada pengurusan bakat dan peningkatan keupayaan. Kerajaan akan beralih daripada pendekatan tradisional dalam penyampaian perkhidmatan berasaskan agensi kepada pendekatan

keseluruhan kerajaan yang berasaskan perkhidmatan dan maklumat dengan mengambil kira perspektif dan keutamaan awam.

12. Untuk menjayakan transformasi, adalah amat penting bagi setiap warga KKR supaya dapat membangunkan budaya prestasi tinggi yang menjadi keutamaan dalam Perkhidmatan Awam sejajar dengan Pelan Transformasi Kerajaan. Justeru itu, saya berharap tuan/ puan dapat mengamalkan budaya kerja berprestasi tinggi dalam melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan dan mengamalkan serta membudayakan amalan kerja yang cemerlang dan berintegriti tinggi dengan memberi fokus kepada lima kriteria berikut; Pertama ialah Berilmu iaitu sentiasa berilmu pengetahuan, kreatif dan inovatif dan menjadi contoh kepada masyarakat. Kedua, Kebolehpercayaan iaitu jujur, amanah, integriti, diyakini dan mempunyai nilai murni sejagat yang dipercayai rakyat. Ketiga, Amalan Kerja Terbaik iaitu budaya yang menjadi cerminan kewibawaan penjawat awam. Keempat, Semangat Patriotik, iaitu kesetiaan kepada raja dan negara dan Kelima, Budaya Keberhasilan, iaitu peningkatan kualiti kerja berdasarkan petunjuk prestasi utama (KPI).

13. Keupayaan capaian maklumat yang begitu mudah pada ketika ini berjaya membentuk satu masyarakat negara yang berinformasi. Kesan daripada keadaan ini, ia melahirkan generasi yang bebas yang berfikir, masyarakat yang bebas menyuarakan pandangan dan juga masyarakat bebas untuk berkongsi maklumat. Maklumat ini jika tidak ditapis, kalau tidak dinilai ianya boleh menimbulkan ketegangan dan juga keadaan perkongsian maklumat tanpa batasan". Dan ini berkemungkinan boleh mewujudkan perkongsian maklumat-maklumat palsu, maklumat-maklumat yang tidak sahih, maklumat-maklumat yang tidak benar dan kesannya boleh mengganggu ketenteraman komuniti.

14. Untuk itu, warga KKR juga seharusnya bersifat proaktif ketika melakukan penyebaran maklumat bersandarkan ketepatan tanpa melanggar peraturan atau *rule of law* agar perjalanan sistem pentadbiran tidak dikompromi. Penggunaan saluran media kini perlu berlandaskan kepada etika yang betul dan hendaklah digunakan secara bijak serta menekankan nilai-nilai murni.

15. Selain itu, dalam kesibukan melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing, suka juga saya menekankan supaya warga KKR sentiasa memelihara hubungan yang baik yang membawa kepada persefahaman antara satu sama lain. Semua kerja juga dapat berjalan dengan lancar dan efisien sekiranya semua pihak dapat mengujudkan suasana kerja yang selesa dan ikhlas untuk memberikan pertolongan dalam bentuk tenaga, buah fikiran dan sebagainya. Pentingnya untuk kita semua mengujudkan 'networking' yang baik serta menghormati antara satu sama lain bagi memudahkan pelaksanaan aktiviti harian, perkongsian maklumat dan idea dalam mencapai matlamat organisasi.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

16. Program ini juga diharapkan akan dapat memberikan input dan pendedahan secara langsung dan santai kepada semua warga KKR dalam apa juga isu yang dibincangkan semasa sesi interaksi ini. Perkongsian idea dan kerjasama sebeginilah yang menjadi daya penggerak bagi menjamin kualiti perkhidmatan terus mencapai tahap yang cemerlang dan disegani. Sebelum saya mengakhiri bicara, besarlah harapan saya agar Program pada hari ini akan mencapai objektif pelaksanaannya dan dapat memberikan dapat merungkai segala persoalan serta memecahkan banteng antara pihak pengurusan dan warga KKR.

17. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan Program ini. Saya berharap kerjasama dan komitmen yang diberikan selama ini dapat diteruskan pada masa akan datang. Saya juga menyeru semua pihak khususnya warga KKR supaya terus memberikan sokongan padu kepada pihak pengurusan dalam pelaksanaan segala program yang telah direncanakan.

Sekian, terima kasih.